

Saranan Malaysia supaya OIC disusun semula diterima

UM 1 JUL 2002

SEPANG 30 Jun — Anggota Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) bersepakat untuk menerima saranan Malaysia supaya badan itu disusun semula agar ia berperanan lebih berkesan dan bukan lagi bercorak retorik.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, keputusan tersebut telah dicapai dalam Persidangan Menteri-Menteri Luar OIC (ICFM) ke-29 di Khartoum, Sudan yang berakhir semalam.

Menurut beliau, tindakan yang lebih proaktif perlu dilakukan supaya OIC tidak lagi dilihat sebagai badan yang hanya ber-retorik, sebaliknya mempunyai pelan tindakan bagi menjaga kepentingan negara ahli.

“Saya nampak persidangan itu memperlihatkan kesungguhan negara ahli untuk menjadikan OIC sebagai sebuah badan yang berkesan dan dapat memainkan peranan bagi menjaga kepentingan ahli-ahlinya.

“Kebanyakan negara anggota mengalu-alu mengenai kemungkinan OIC disusun semula sebagaimana yang dicadangkan oleh Malaysia semasa Sesi Khas Menteri-Menteri Luar OIC di Kuala Lumpur,” katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini sekembali daripada menghadiri persidangan tersebut.

Malaysia akan menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak OIC pada Oktober 2003. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan bertindak sebagai pengerusi sidang kemuncak berkenaan.

Menurut Syed Hamid, OIC adalah sebuah organisasi yang masih boleh dimanfaatkan tetapi memerlukan pendekatan baru agar mencerminkan aspirasi negara anggota.

“Malaysia sendiri berharap agar OIC menjadi forum dan mekanisme yang baik untuk negara anggota bertukar-tukar pendapat tetapi ia perlu bergerak ke tahap membuat tindakan yang memberikan manfaat kepada ahli,” ujarnya.

Sehubungan itu, katanya, kerja-kerja penyusunan semula telah dimulakan dengan melantik pakar-pakar perunding antarabangsa termasuk dari Malaysia.

Membetulkan

Katanya, Malaysia juga akan mengambil tanggungjawab untuk membetulkan persepsi negatif terhadap badan tersebut apabila mengambil alih jawatan pengerusi sekretariat OIC mulai 2003 hingga 2005.

Dalam pada itu Syed Hamid berkata, persidangan berkenaan juga bersetuju untuk melaksanakan pelan tindakan menangani keganasan yang dipersetujui pada Sesi Khas Menteri-Menteri Luar OIC pada 1 hingga 3 April lalu.

“Selaras dengan Deklarasi Kuala Lumpur, Jawatankuasa 13 Menteri yang telah ditubuhkan untuk melaksanakan pelan tindakan perlu mengadakan persidangan di peringkat menteri dan Malaysia bersetuju untuk menjadi tuan rumah,” katanya.

Syed Hamid juga berkata, para pemimpin

negara Islam yang menghadiri mesyuarat itu juga melahirkan rasa terkejut dengan pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk meletakkan jawatan berkuat kuasa Oktober tahun depan.

Beliau berkata, mereka melahirkan rasa kecewa dengan perkara itu kerana Dr. Mahathir dianggap sebagai pemimpin Islam yang boleh menyuarakan pandangan secara tegas dan tidak takut dengan sesiapa.

Mereka juga menyatakan rasa sedih akan kehilangan seorang pemimpin Islam yang mempunyai kewibawaan dan kredibiliti hebat serta mendapat sokongan negara-negara Islam.

“Saya telah menjelaskan kepada mereka mengenai proses peralihan kuasa dan struktur hierarki kepimpinan bagi menyakinkan mereka bahawa walau Dr. Mahathir tidak lagi menjadi Perdana Menteri, Malaysia tidak akan berhenti memainkan peranan yang diperlukan,” katanya.

Berkenaan dengan masalah kewangan yang dihadapi oleh OIC, beliau berkata perkara itu berpunca apabila kebanyakan 57 negara ahli tidak mempunyai kemampuan membayar yuran tahunan.

Baru-baru ini Setiausaha Agung OIC, Dr. Abdelouahed Belkeziz berkata, krisis kewangan badan tersebut semakin teruk apabila hanya menerima separuh daripada AS\$11.3 juta sumbangan tahunan yang sepatutnya diterima tahun ini.